

TARIKH : 1.1.2020
MEDIA : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5

‘Tekad laksana amanah memakmurkan negara’

Kuala Lumpur: Perdana Menteri mengajak rakyat untuk bersama-sama kerajaan memajukan negara dengan menjauhan diri mereka sendiri.

Dalam perutusan sempena Tahun Baharu 2020, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, walaupun Malaysia tidak dapat menjadi negara maju sepenuhnya seperti disaraskan menerusi Wawasan 2020, ada beberapa perisian negara maju yang boleh dilakukan.

“Nilai seperti rajin, berdisiplin, menjaga kebersihan, bersifat tolak-ansur, hormat-menghormati, berbudi bahasa dan berjaya besar adalah ciri-ciri yang membezakan daripada mereka yang tidak maju dan mundur.


“Sifat mulia ini mewakili semua budaya, agama dan bangsa dan kepelbagaian Malaysia seharusnya membuat kita lebih peka kepada nilai tersebut. Ayuh kita raikan persamaan dan pinggiran perbezaan,” katanya.

Pertama Menteri berkata, kerajaan dan rakyat perlu terus merintis usaha dan tidak meletakkan kebergantungan kepada tадir untuk merencana kemajuan diri.

Beliau berjanji kerajaan akan terus memperkenalkan dasar memastikan rakyat dapat terus meraih hasil kemajuan negara, sekaligus melonjak taraf sosioekonomi mereka.

“Kenapakah kita sering bercakap mengenai usaha untuk memaju dan memakmur negara? Ini kerana ia adalah amanah yang diserahkan kepada kita agar kita menerima tanggungjawab menjadi kerajaan.

“Kerajaan tidak boleh bersikap berserah kepada keadaan semasa



Kerajaan akan terus membantu rakyat untuk berhadapan dengan cabaran baharu ini menerusi program yang disediakan dan akan diperkenalkan. Justeru, rakyat diharapkan supaya mengambil peluang bersama memajukan diri mereka. Apabila mereka berjaya, kerajaan dan negara turut menumpang kejayaan berkanaan.

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

tanpa memikir strategi dan perancangan yang difikir sesuai untuk menuju dan memakmur negara,” katanya.

Tatkala segelintir rakyat masih terperangkap dengan polemik politik yang disifatkan tidak memajukan diri, Dr Mahathir berpesan bahawa keadaan persekitaran di luar ketika ini bukan memberi tumpuan perjalanan getir.

Kegiatan aktif perang dagang antara kuasa besar dan ledakan kemajuan teknologi dikenal pasti antara faktor yang akan melaksanakan tujuan dunia serta negara, sekali gus menuntut usaha merintis kemajuan diri sendiri dalam mengelani perubahan berkenaan.

“Kita lihat bagaimana kemajuan teknologi digital mengubah cara perniagaan dan perkhidmatan. Mereka yang memahami perubahan ini mencari peluang kerja dan pendapatan, manakala yang tidak berubah hilang puncak kehidupan.

“Kerajaan akan terus membantu rakyat untuk berhadapan dengan cabaran baharu ini menerusi program yang disediakan dan akan diperkenalkan. Justeru, rakyat diharapkan supaya mengambil peluang bersama memajukan diri mereka.

“Apabila mereka berjaya, kerajaan dan negara turut menumpang kejayaan berkanaan,” katanya.

Mengimbau kejayaan Sidang Kemuncak Kuala Lumpur, Dr Mahathir berkata, Malaysia sebenarnya memperlihatkan kepada dunia betapa kita berjaya hidup aman damai di tengah kepelbagaian kita.

Perdana Menteri juga berkata, walaupun negara mempunyai beberapa peruntukan untuk kaum

Bumiputera, ianya untuk memastikan kelangsungan mereka dan bukan bersifat mendiskriminasi dan mengambil hak rakyat yang lain.

“Tidak pernah terlantas di pemikiran kita untuk memperkenal undang-undang mengasingkan rakyat atau pendatang berdasarkan agama atau bangsa,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail, dalam perutusan sempena Tahun Baharu, berkata kerajaan akan meneruskan usaha menjalankan pembentukan Malaysia Baharu pada 2020.

Mengukur 2019 adalah tahun pertama cabaran bagi Kerajaan Pakatan Harapan, Dr Wan Azizah mahu semua pihak meneruskan pelbagai usaha positif bagi menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

“Untuk tahun 2020, marilah kita menumpukan kepada usaha yang positif kepada rakyat,” katanya.

Menisteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, pula berkata rakyat harus berani memasuki dekad baharu yang membawa cabaran pelbagai dimensi dengan mengajakkan pemikiran lahir kepada yang baharu.

“Dekad baharu ini juga akan menyaksikan ekonomi Asia seperti China, India, ASEAN, Jepun dan Korea mengambil alih ekonomi dunia dari Amerika Syarikat dan Eropah.

“Untuk menghadapi cabaran dibawa oleh perubahan raksasa ini kita perlu beranjak dari fikiran lama yang berkiblat kepada Amerika Syarikat dan Eropah. Kita memerlukan imaginasi baharu,” katanya.